Sasaran pengguna bagi produk bio-arang antaranya adalah sektor yang menggunakan bahan bakar sebagai sumber tenaga merangkumi penggunaan sistem boiler di pelbagai kilang, sektor F&B seperti katering, restoran dan hotel serta peruncitan bagi kegunaan barbeku. Sistem BMC juga boleh diaplikasi dalam industri perladangan seperti sawit, padi, kenaf, buluh dan sisa lanskap.

Menurutnya, impak terbesar ialah sisa biomas sawit terbuang sebanyak 20 juta tan metrik setahun dijangka berpotensi menambah nilai produk kilang berjumlah 1.4 juta tan bio-arang setiap tahun.

Penyelidikan yang bermula pada 2012 ini dijalankan melalui kolaborasi bersama Pakar Management Technology (M) Sdn Bhd dan dikomersilkan pada skala industri oleh Pakar Go Green Sdn Bhd. Dengan pembiayaan geran dari Platcom Ventures Sdn Bhd. dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Wacana Putra tingkat kelestarian hijau



Oleh Syfarida Muhamad Zaki
Foto oleh Marina Ismail

SERDANG, 2 Mei – Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Wacana Putra bersama Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA), Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang bagi

memberi pendedahan kepada warga UPM dan masyarakat setempat mengenai usaha 'Membudayakan Teknologi Hijau.'

Program Wacana Putra "The Age of Sustainability: From Philosophy to Cultural Transformation" itu, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini menggalakkan warga kampus mengamalkan gaya hidup yang lestari.

"Kesedaran awam merupakan faktor utama yang mempengaruhi kejayaan pembangunan teknologi hijau. Usaha ini memerlukan perubahan pemikiran masyarakat.

"Penglibatan badan korporat menerusi aktiviti tanggungjawab sosial korporat serta sumbangan dana secara tidak langsung akan menggalakkan kesedaran

untuk bersama-sama memupuk budaya menghayati teknologi hijau," katanya.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris pula berkata pelaksanaan kelestarian hijau merupakan satu daripada agenda utama UPM.

"Banyak penyelidikan UPM tertumpu ke arah kelestarian hijau seperti penuaian air hujan di kolej kediaman, program waste bank, Kempen Kesedaran Serdang Biomass Town, dan program Recycle to Cycle.

"Penerafan bintang pengurusan pusat bertanggungjawab turut mengambil kira komponen kelestarian hijau sebagai kriteria pemarkahan dalam belanjawan mengurus, pengurangan bil elektrik dan air serta penggunaan kertas," katanya.

Pada majlis itu, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini melancarkan program Sikal Elektrik Rakyat 1 Malaysia (SERIM), UPM dengan menyerahkan basikal SERIM kepada Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Mohd Ameerul Ishak sebagai simbolik mewakili seluruh pelajar UPM.

UPM menerima 200 unit basikal elektrik dalam program SERIM itu yang dilaksanakan oleh KeTHHA melalui Green Technology Corporation bertujuan mempromosikan teknologi di kalangan golongan belia.



AEON taja pelajar cemerlang

Oleh Noor Eszereen Juferi
Foto Marina Ismail

KUALA LUMPUR, 24 Feb – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima tajaan pendidikan dari AEON Credit Service (M) Berhad bagi membantu pelajar Bacelor UPM yang cemerlang tetapi kurang kemampuan kewangan.

Hadir pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama penajaan pendidikan itu ialah Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaya (UM), Prof. Datuk Dr. Rohana Yusof dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Sains Malaysia

(USM), Prof. Dato' Dr. Adnan Hussein.

Pengerusi AEON Credit Services (M) Sdn. Bhd., Dato' Abdullah Yusof berkata pemilihan pelajar akan dibuat oleh pihak universiti bagi menentukan mereka yang layak menerima tajaan itu.

"Pihak kami memperuntukkan RM800,000 bagi program ini dan setiap 20 pelajar dari ketiga-tiga universiti berkenaan akan menerima penajaan sebanyak RM40,000.

"Penajaan pendidikan itu diberikan kepada pelajar dalam bidang perakaunan, ekonomi, pentadbiran perniagaan, kewangan dan perbankan, sains aktuari, perundangan dan teknologi maklumat atau sains komputer," katanya.



UPM-JAKIM bangun kaedah analisis halal

Oleh Syfarida Muhamad Zaki
Foto oleh Noor Azreen Awang

NILAI, 15 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk memulakan jaringan dalam bidang berkaitan kimia dan bioteknologi ke arah membangunkan kaedah analisis halal.

Pada majlis itu, UPM diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris, manakala JAKIM oleh Ketua Pengarahnya, Tan Sri Othman Mustapha. Ia disaksikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir Baharom.

Kandungan MoA sebanyak lapan sub projek penyelidikan antara JAKIM melalui Malaysian Halal

Analysis Centre (MyHAC) dan UPM melalui Institut Penyelidikan Halal (IPPH) itu termasuk mewujudkan satu pangkalan data lengkap, menyediakan latihan praktikal dan membantu menyediakan dokumen berkaitan kaedah juruanalisa MyHAC.

MoA itu juga bertujuan untuk pemprofilan dan pengesahan elemen DNA babi dan kimia daripada kategori yang terpilih di dalam produk makanan, farmaseutikal dan kosmetik.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas itu, Prof. Datin Paduka Dr. Aini berkata MoA itu sebagai langkah proaktif dalam usaha melakukan pemeriksaan yang lebih kerap, cekap dan pantas bagi memastikan produk yang ada di pasaran halal.


"Projek bagi tempoh 18 bulan sehingga Februari

2018 itu dilihat sebagai penyelidikan impak jangka panjang iaitu penajaan ilmu baharu dan pemindahan teknologi kepada JAKIM," katanya.

Sehubungan itu, satu pembentangan laporan kemajuan bagi projek dua jaringan itu akan dibentangkan pada April ini.

Dato' Seri Jamil Khir berharap standard Operating Prosedur (SOP) mengenai 'Perkhidmatan Pembangunan Kaedah Analisis Halal' dapat menghasilkan keputusan penyelidikan yang tepat dan cepat.

Turut hadir menyaksikan MoA itu ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM, Prof. Dato' Dr. Husaini Omar.



UPM-AIRBUS Helicopters tingkat kualiti penyelidikan aeroangkasa

Oleh Noor Eszereen Juferi
Foto oleh Noor Azreen Awang

SERDANG, 28 April – Pusat Penyelidikan Pembuatan Aeroangkasa (AMRC), Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalinkan kerjasama bersama AIRBUS Helicopters Malaysia (AHM) Sdn. Bhd. melalui Perjanjian Persefahaman (MoU) ke arah meningkatkan lagi kualiti penyelidikan dan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya di UPM dalam bidang aeroangkasa.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata persefahaman UPM dan AHM mempunyai agenda besar ke arah mencapai Transformasi Nasional 2050 serta menjadi rakan pintar dalam projek penyelidikan dan mobiliti pelajar bersama industri.

"AMRC UPM merupakan pusat penyelidikan yang ditubuhkan di Fakulti Kejuruteraan, pada Februari 2012. Usaha ini selari dengan peningkatan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan komposit khususnya di dalam industri

aeroangkasa.

"Pusat ini berusaha secara strategik dalam penyelidikan gunaan, pembangunan produk dan latihan melalui perkongsian pintar dengan agensi kerajaan, institusi kebangsaan dan antarabangsa serta sektor swasta," katanya.

Ketua Bahagian Pemasaran Sektor Kerajaan dan Industri Minyak dan Gas, Airbus Helicopters Malaysia, Mohamed Raziff Abdul Hamid, berkata AHM sebagai antara syarikat aeroangkasa yang diiktiraf di peringkat antarabangsa akan memudahkan proses perpindahan teknologi dan peningkatan pengetahuan khususnya dalam bidang helikopter.

Sebagai sebuah organisasi antarabangsa, katanya, AHM menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan, baik pulih dan alat ganti untuk semua helikopter milik AIRBUS. "Malaysia mampu melahirkan lebih ramai jurutera yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan luas khususnya dalam industri aeronautikal,"

katanya.

Pengarah AMRC UPM, Prof. Madya Ir. Dr. Mohamed Thariq Hameed Sultan berkata melalui kerjasama itu, UPM menerima sumbangan kerajaan, institusi kebangsaan dan antarabangsa serta sektor swasta, katanya.

"UPM dan AHM telah bersetuju untuk menjayakan program pertukaran pegawai penyelidik UPM atau pelajar pasca siswazah ke AHM untuk tujuan penyelidikan dan perundingan kejuruteraan," katanya.

Turut dirancang untuk dilaksanakan ialah program latihan industri pelajar prasiswazah UPM di AHM untuk tempoh 12 minggu. Melalui perjanjian itu juga, sebuah Makmal Kerjasama UPM dan AHM akan diwujudkan di Fakulti Kejuruteraan, UPM bagi menjalankan aktiviti penyelidikan.



Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

KAMPOT, (Kemboja) - Kumpulan Putra Bakti UPM yang diwakili oleh pegawai dan staf Perubatan Pusat Kesihatan Universiti selesai menjalankan perkhidmatan kesihatan di Kampung Kampot, Kemboja selama dua hari berturut-turut dengan merawat kesihatan penduduk kampung dan mengkhatakan beberapa kanak-kanak tempatan.

Kumpulan sukarelawan UPM mendapat jemputan daripada Majlis Setiausaha Politik Malaysia (MSPM) bersama sukarelawan NGO yang lain dalam program CSR bersama 1,500 penduduk Kampot yang diserikan dengan kehadiran wakil Perdana Menteri Kemboja Hun Sen iaitu anak beliau, Brig Jen Hun Manith dan Mufti Kampot, Zuhri Ahmad.

Kedua-dua mereka dalam ucapan majlis perasmian mengucapkan jutaan penghargaan kepada wakil Malaysia yang sama-sama menyumbang tenaga, kepakaran kesihatan dan barangan makanan dan lain-lain dalam projek

CSR kepada penduduk kampung yang telah hadir.

“Faktor habuk, kemarau dan ketiadaan paip utk bekalan air bersih menyumbang kepada masalah kesihatan mereka”.

Dr. Aditya

Koordinator program CSR MSP tersebut, Siti Bainun Ahd Razali berkata pihaknya turut menjalankan aktiviti sukan dengan kanak-kanak, menyumbangkan bantuan makanan, beras, peralatan dapur, pam air, enam peralatan sekolah dan lima ekor lembu untuk akikah di mana kesemua sumbangan ialah daripada kerajaan Malaysia.

“Kami menjangkakan kehadiran seramai 800 penduduk kampung tetapi sebaliknya seramai 1,500 penduduk yang hadir,” katanya yang turut membawa lima sukarelawan

PUTRA BAKTI PKU berbudi di Kemboja

daripada NGO lain dan lima dari UPM.

Sementara itu Ketua kumpulan Putra Bakti UPM, Dr. Aditya Adawiah Darwis mengulas mereka berpuas hati dengan impak rawatan kesihatan walaupun masa amat terhad selain masalah komunikasi bahasa dengan penduduk.

Selain beliau, pegawai perubatan UPM yang lain ialah Dr Nurhayati Mohd Sobki, Dr Soe Min Htet @ Hj Mohamed Rafee dan pembantu perubatan, Muhammad Athuf Azhar. Penyertaan UPM dalam program

CSR itu diuruskan oleh Koordinator Putra Bakti UPM, Bukryman Sabri, seorang aktivis sukarelawan yang juga pensyarah Fakulti Ekologi Manusia UPM.

“Penduduk yang dirawat mengadu masalah seperti sakit-sakit badan, sakit tekak dan sakit kepala.

“Faktor habuk, kemarau dan ketiadaan paip utk bekalan air bersih menyumbang kepada masalah kesihatan mereka. Majoriti daripada mereka bekerja sendiri di kampung,” ujar Dr. Aditya.

Terdahulu, sebaik sahaja tiba

di bumi Kemboja, sukarelawan UPM dan sukarelawan NGO lain diraikan oleh Duta Besar Malaysia ke Kemboja, Dato’ Seri Hasan Malek dan pegawai kedutaan di Kedutaan Besar Malaysia di sini.

Setiausaha politik Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Abd Halim Jusoh terharu dengan usaha UPM selaku wakil pendidikan tinggi yang menyumbang tenaga dan kepakaran kepada masyarakat kurang berkemampuan di luar negara dalam program MSP yang turut dihadiri oleh kira-kira 24 ahli.



Pelajar Vet bantu atasi jangkitan Zoonosis Orang Asli

Oleh Norsauful Bahri Abdul Habib

BELUM (Perak) – Seramai 35 pelajar Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Perubatan Kesihatan Awam, Kolej Perubatan Pulau Pinang (PMC) mengadakan lawatan tugas lapangan berkaitan jangkitan zoonosis bawaan anjing di kalangan masyarakat Orang Asli Jahai di Sungai Tiang, Hutan Belum.

Ketua projek, Prof. Dr. Abdul Rashid Khan berkata kajian terhadap kumpulan masyarakat Orang Asli itu dilakukan untuk membangunkan strategi intervensi One Health bagi memecahkan rangkaian jangkitan zoonosis bawaan anjing yang berkecenderungan di penempatan masyarakat itu.

“Lawatan ini adalah sebahagian daripada geran penyelidikan daripada Malaysia One Health University Network, sebuah rangkaian di bawah projek USAID One Health Workforce, untuk mengkaji pengetahuan, sikap dan amalan.

“Masyarakat Orang Asli Jahai yang merupakan kumpulan kecil suku kaum yang hidup di dalam hutan itu berdepan masalah ekoran pertambahan bilangan anjing liar di kawasan penempatan mereka.

“Kurangnya perhatian boleh membawa kepada kemunculan jangkitan zoonosis di kalangan manusia ekoran daripada bawaan anjing ini. Sebagai sebahagian daripada intervensi One

Health Workforce, pelajar dapat menimba pengetahuan dan mewujudkan kesedaran berkaitan potensi morbiditi dan kematian yang dikaitkan dengan jangkitan zoonosis bawaan anjing,” katanya.

Ketua suku kaum itu, Ah Chong berkata masyarakat Jahai yang umumnya suka berburu, menggunakan anjing ketika memburu.

Bagaimanapun, ekoran daripada pembiakan yang tidak terkawal dan kurangnya pemangsa, bilangan anjing itu telah bertambah kepada 100.

“Masyarakat Orang Asli Jahai yang merupakan kumpulan kecil suku kaum yang hidup di dalam hutan itu berdepan masalah ekoran pertambahan bilangan anjing liar di kawasan penempatan mereka”.

Prof. Dr. Abdul Rashid

“Anjing-anjing itu tidak dijaga dan tidak menerima rawatan sewajarnya termasuk prosedur pemvaksinasi atau menyahcacing,” katanya.

Sementara itu, pelajar Fakulti Perubatan Veterinar UPM, Chong Jia Jie berkata penyertaannya dalam projek itu membolehkannya berinteraksi

dengan masyarakat terbabit, yang memberikannya pengalaman berharga.

“Kumpulan ini berkumpul di Pulau Banting pada sebelah pagi sebelum memulakan perjalanan ke lokasi menaiki bot.

“Lawatan ini mengajar saya untuk menghargai masyarakat ini yang terabai, yang memerlukan jasa baik dan bantuan kita. Adalah lebih baik untuk memberi daripada meminta,” katanya.

Projek hari itu tertumpu kepada kumpulan pelajar yang mengumpul data, termasuk kaji selidik mengenai pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat Jahai mengenai jangkitan zoonosis bawaan anjing, manakala satu kumpulan pelajar lagi mengambil sampel darah dan swab daripada anjing liar itu.

Keseluruhannya, seramai 175 orang memberi respons terhadap kaji selidik itu, manakala sampel daripada 35 ekor anjing dikumpulkan.

Ketika proses pengumpulan data itu, para pelajar terbahit berpeluang berkongsi maklumat mengenai kesedaran potensi risiko yang dikaitkan dengan anjing liar.

Para pelajar itu juga dapat mempelajari mengenai masyarakat Jahai serta struktur sosial dan budaya mereka, selain mengenali antara satu sama lain.

Lawatan itu berakhir pada tengah hari keesokannya dengan taklimat oleh Prof. Dr. Abdul Rashid Khan dari PMC dan Dr. Lau Seng Fong dari UPM.



Pelajar FS hapus persepsi Fizik susah

Oleh Noor Eszereen Juferi

TELUK INTAN - Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi pasukan "Putra Bakti: Outreach Physics" menganjurkan program 'Putra Outreach Physics Tour' Siri 8 yang disertai 112 orang pelajar tingkatan 5 Sekolah Menengah Sains Teluk Intan (SEMESTI) baru-baru ini.

Program yang berasaskan pemindahan ilmu dan kepakaran itu diketuai pensyarah kanan Jabatan Fizik, Fakulti Sains UPM, Dr. Yap Wing Fen dan disertai 34 orang ahli Kelab Mahasiswa Fizik UPM yang berperanan sebagai fasilitator program.

Dr. Yap berkata, kebanyakan para pelajar aliran sains sekolah menengah mempunyai persepsi bahawa pembelajaran mata pelajaran fizik amat sukar dan membosankan.

Katanya, objektif utama program adalah untuk membuktikan sebaliknya serta menunjukkan bahawa para pelajar mampu menguasai subjek fizik tanpa banyak penghafalan.

"Program bertemakan 'Transfer, Transverse, Transform (Memindah, Melintas dan Mengubah)' ini menggunakan pendekatan yang memberi peluang kepada peserta untuk menyaksikan dan mengalami sendiri konsep fizik yang berkait rapat dengan kehidupan seharian.

"Konsep dan aktiviti yang direncana adalah selaras dengan silibus mata pelajaran fizik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kaedah pemahaman yang lebih menghiburkan dan berkesan seperti nyanyian, aktiviti hands-on serta simulasi siasatan kes pembunuhan turut digunakan menerusi program ini," katanya.

Dekan Fakulti Sains UPM, Prof. Dr. Zainal Abidin Talib berkata aktiviti yang dirancang oleh pasukan Putra Bakti: Outreach Physics adalah berdasarkan pemikiran aras tinggi.

"Program seperti ini membuktikan bahawa fizik adalah kehidupan, bukan terhenti di dalam bilik darjah. Saya kini mampu mengaitkan banyak fenomena alam yang saya perhatikan setiap hari dengan fizik," katanya.

Staf, pelajar bantu mangsa banjir Chenor, Pahang

Oleh Azman Zakaria

CHENOR (Pahang), 1 Mac - Kira-kira 100 orang sukarelawan yang terdiri daripada staf, pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dan masyarakat setempat dari kumpulan Sahabat Masjid, Kor SISPA UPM serta Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) menjalankan misi bantuan kepada mangsa banjir di kawasan Pesagi, Chenor, di sini.

Dalam misi yang diadakan pada 26 Februari lalu, mereka menyampaikan bantuan barangan makanan dan kewangan kepada penduduk 57 buah

rumah di Kampung Pesagi, Chenor yang turut meliputi Penempatan PPRT, Kampung Machang Gelap, Kampung Sawah dan Kampung Kandih yang rumah mereka dinaiki air ketika banjir Januari lalu.

Barangan makanan yang diberikan termasuk beras, tepung, susu, sardin, minyak masak dan noodle.

Mereka juga bersama-sama membersihkan beberapa rumah serta mengecat semula dua buah rumah yang dihuni oleh Orang Kurang Upaya (OKU) yang terjejas ketika banjir itu.

Sebuah daripada rumah itu dihuni oleh tujuh sekeluarga yang

semuanya OKU, manakala sebuah lagi dihuni seorang lelaki warga emas OKU.

Ketua misi bantuan, Zuhaimi Abdul Rahim berkata ia adalah misi bantuan siri kedua yang dijalankan, selepas siri pertama pada 21 Januari lalu membantu mangsa banjir di Pasir Mas, Kelantan.

Zuhaimi yang juga Pengerusi Sahabat Masjid UPM berkata, walaupun pada ketika ini tiada lagi banjir, namun kesan banjir pada awal Januari lalu masih dirasakan mangsa termasuk pelbagai perkakasan yang rosak dan dinding rumah yang masih kotor.



Mobiliti pelajar FS di Malang

Oleh Nurfatilkha Aisha Mohd Zaher

MALANG (Indonesia) - Seramai 18 orang pelajar Jabatan Matematik, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai program mobiliti Reise de Java 2017 di Universitas Brawijaya, Malang, Indonesia baru-baru ini.

Pengarah program, Muhammad Zulsyahmi Ab Rahman berkata program itu bertujuan untuk membolehkan pelajar menimba pengalaman belajar di negara luar serta bertukar fikiran dan pendapat dengan pelajar di sana.

"Pertukaran pelajar memberi impak yang positif terhadap peserta kerana dapat belajar dalam suasana yang

baharu. Hal ini dapat menjadikan minda peserta lebih terbuka," katanya.

Beliau berkata, program itu dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelajar UPM dengan pelajar daripada Universitas Brawijaya (UB) yang rata-ratanya mempunyai latar belakang dan budaya yang berbeza.

"Antara universiti yang dilawati ialah Universitas Islam Negeri Malang, Universitas Negeri Malang, Universitas Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang dan Universitas Muhammadiyah Malang," katanya.

Sementara itu, para pelajar itu mengadakan perjumpaan bersama pelajar Malaysia di Universitas Brawijaya yang rata-ratanya adalah pelajar daripada Fakulti Kedokteran.



'Junior Aerospace Scientist' pupuk minat aeroangkasa kanak-kanak

SERDANG, 22 Mac - Seramai 34 orang kanak-kanak berumur antara 8 hingga 12 tahun menyertai program Junior Aerospace Scientist yang melibatkan beberapa aktiviti seperti penghasilan kapal terbang, helikopter dan roket menggunakan kertas dan straw, serta demonstrasi Unmanned Aerial Vehicle (UAV) dan belon udara.

Program sempena cuti sekolah itu diadakan di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ia dianjurkan oleh Persatuan Aeroangkasa Malaysia (AEROS Malaysia) dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa, UPM.

Ketua program itu, Dr. Dayang Laila Abang Abdul Majid berkata tujuan utama penganjuran program adalah untuk menarik minat serta memupuk bakat kanak-kanak dalam bidang sains, terutamanya yang berkaitan dengan aeroangkasa.


Katanya, selaras dengan

perkembangan pesat industri aeroangkasa di Malaysia, terdapat keperluan untuk memberi inspirasi dan membentuk saintis, jurutera serta peneroka bidang aeroangkasa bagi generasi seterusnya.

Ini merupakan program sulung persatuan AEROS Malaysia yang ditubuhkan pada Januari lalu. Ia dijayakan oleh beberapa ahli persatuan yang juga merupakan pensyarah dan pelajar di Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa, UPM.



FK menang APUCEN International



PULAU PINANG, 20 April – Projek Vermikompos Sisa Sayuran di Pasar Besar Melaka Sentral oleh pensyarah Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi Asia-Pacific University - Community Engagement Network (APUCEN) International Youth Volunteer Award (Kategori Alam Sekitar) pada APUCEN SUMMIT 2017.

Projek itu menewaskan 10 projek dalam kategori

yang sama pada pertandingan berkenaan untuk menerima wang tunai AS\$3,000 dan plak daripada APUCEN yang disampaikan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh.

Projek itu dilaksanakan

melalui kerjasama UPM dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Ia dibiayai Kementerian Pengajian Tinggi dan Pemandu Jabatan Perdana Menteri dan telah diserahkan kepada Dato Bandar Melaka pada September 2016 setelah operasinya tamat selepas 24 bulan.

Projek itu melibatkan ramai lebaran siswazah dan sebuah syarikat alam sekitar Pakar Go Green Sdn. Bhd. secara kerjasama komuniti dengan memberi impak pengurangan sisa sayuran di pasar sehingga 60 peratus.

Kaedah projek itu menggunakan cacing sepenuhnya untuk menukar sisa menjadi hasil baja. Selain daripada pencapaian kelestarian yang jelas, sisa sayur telah menjadi baja bio sepenuhnya yang dapat memberi pulangan kepada MBMB.

Dr. Paramasivam harumkan nama Malaysia di Mauritius



PORT LOUIS (Mauritius), 18 Mac - Profesor Madya Dr. Paramasivam Muthusamy, pensyarah daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menerima Anugerah Khas Sijil Pengiktirafan Mauritius daripada Perdana Menteri Mauritius, Pravind Kumar Jugnauth dalam satu Majlis Sambutan Ulangtahun ke-80 Mauritius Tamil League malam tadi.

Majlis turut dihadiri seramai 800 orang termasuk Timbalan

Presiden Mauritius, menteri-menteri, dif-dif kehormat, ahli pertubuhan badan-badan NGO Mauritius, para pensyarah, penderma dan orang ramai.

Pengiktirafan diberi kepada Dr. Param kerana sumbangannya di Mauritius selama 21 tahun di mana beliau telah berusaha mengembangkan ilmu kesjaranaan (Language and Culture) di Mauritius melalui pelbagai aktiviti seperti Penyelidikan dan Penerbitan,

Seminar & Persidangan, Students Cultural Exchange Program, Foster Family Program, Malaysian Food Festival dan Entrepreneur tour.

Antara impak terbesar Dr. Param ialah buku beliau yang merupakan penerbitan UPM telah menjadi buku rujukan di universiti-universiti dan sekolah-sekolah di Mauritius.

Dr. Param berkata beliau telah mengunjungi Mauritius sebanyak 50 kali, kali pertama pulau semasa beliau menjadi pelajar program Ijazah Bachelor UPM iaitu pada 1996.

"Perhubungan Malaysia-Mauritius diteruskan lagi semasa saya mula bertugas pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

"Perhubungan dua hala Malaysia-Mauritius masih berterusan bersama Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar melalui pelbagai aktiviti pelajar," katanya.



Prof. Othman terima Profesor Kehormat Kazakhstan

SERDANG, 14 April - Pensyarah Jabatan Teknologi Komunikasi dan Rangkaian, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohamed Othman menerima pengiktirafan Profesor Kehormat dari South Kazakhstan Pedagogical University, Shymkent, Kazakhstan sempena Hari Terbuka dan ulang tahun ke-25, universiti itu pada 30 Mac lalu.

Beliau dianugerahkan sijil pengiktirafan itu bersama seorang professor dari Universiti

Barcelona, Sepanyol. Sijil pengiktirafan disampaikan oleh Presiden South Kazakhstan Pedagogical University, Prof. Dr. Yunusov Madiyar Bahtiyarovich, pada majlis yang diadakan di universiti berkenaan.

Majlis turut dihadiri Timbalan Gabenor Wilayah Shymkent, Sadybekov Ulasbek dan Rektor Universiti, Prof Dr Zharkinbebov Murat Asanovich serta kira-kira 200 tetamu jemputan termasuk dari pelbagai negara, kakitangan akademik Universiti dan pelajar.

UPM menang tiga Anugerah Buku Negara



Oleh Syifarida Muhamad Zaki

KUALA LUMPUR, 2 Mei – Penerbit, Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi dua Anugerah Buku Negara bagi kategori Anugerah Industri Buku 2017, manakala Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Prof. Ir. Dr. Mohd Sapuan Salit @ Sinon memenangi kategori Buku Terbitan Luar Negara Terbaik, pada Majlis Anugerah Buku Negara 2017.

Penerbit, UPM memenangi anugerah bagi kategori Buku Mewah Terbaik yang ditulis oleh Muhammad Syafiq Yahya, Chong Leong Puan, Zulkifli Ishak, Salleh Seikh Ibrahim, Sharifah Nur Atikah dan Mohamed Zakaria Hussin (Fakulti Perhutanan) bertajuk Discovering 100 Birds of UPM.

Sebuah lagi buku berjudul Melaka Sketching Through

Experience yang ditulis oleh Mohd Fairuz Shahidan, Faziawati Abdul Aziz dan Mohd Fabian Hasna (Fakulti Rekabentuk dan SeniBina) pula memenangi kategori Bukulustrasi Terbaik.

Prof. Ir. Dr. Mohd Sapuan memenangi kategori Buku Terbitan Luar Negara Terbaik berjudul Composite Materials: Concurrent Engineering Approach, Penerbit Butterworth-Heinemann (Imprint of Elsevier).

Mereka masing-masing menerima plak dan sijil pada majlis anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara itu yang diadakan di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Anugerah yang diadakan setiap tahun itu bertujuan mengiktiraf dan menghargai warga penulis tanah air dan memberikan suntikan serta galakan kepada penulis, penerbit, editor buku dan pereka seluruh negara



Safe Kids UPM Malaysia terima anugerah FedEx Road Safety

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

KUALA LUMPUR, 6 April - Safe Kids Malaysia Universiti Putra Malaysia menerima Anugerah Keselamatan Jalan Raya FedEx 'FedEx Road Safety Award 2017' oleh Global Alliance di sini.

Anugerah dan hadiah berjumlah USD 5,000 itu disampaikan sempena mesyuarat kelima Global Alliance of NGO's on Road Safety di sini yang menyokong keselamatan jalan raya dan mangsa kemalangan jalan raya melalui program di negara mereka.

Anugerah disampaikan oleh Penasihat Komunikasi FedEx, Shane O'Connor. Majlis

anugerah dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan, dan turut dihadiri oleh Duta Khas Setiausaha Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu, Jean Todt.

Pengarah Eksekutif Safe Kids Malaysia Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Kulanthayan KC Mani berkata UPM akan berusaha membantu negara mencapai sasaran Sustainable Development Goal 3.6 (Mengurangkan kematian dan kecederaan sebanyak 50% menjelang 2020).

"Safe Kids Malaysia UPM juga akan meneruskan dan memperluaskan lagi Program Putra Bakti - Intervensi Penggunaan Topi Keledar Motosikal Kanak Kanak bagi keselamatan kanak kanak di Malaysia," katanya.